

595 sedia sertai operasi

KOTA BHARU: Jabatan Bomba dan Penyelamat Kelantan membuat persediaan secukupnya melancarkan operasi bagi menghadapi kemungkinan banjir pada bila-bila masa.

Pengarahnya, Azmi Osman berkata, operasi membabitkan kekuatan 595 anggota di seluruh negeri dilengkapi kemahiran khusus untuk berdepan banjir.

Katanya, semua anggota dibantu dengan kelengkapan pengangkutan termasuk 58 bot dan enam jet ski bagi melancarkan operasi berkenaan.

“Bagi operasi banjir, kami merangka pelan strategi berdasarkan dua elemen penting iaitu kemanusiaan dan peralatan.

“595 anggota terbabit dan dilengkapi dengan peralatan khusus termasuk 564 jaket keselamatan dan 16 peralatan skuba,” katanya pada Majlis Perhimpunan Bulanan peringkat negeri, di sini, semalam.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya juga menubuhkan Unit Rondaan tahun ini yang berfungsi menjalankan rondaan di kawasan sering berlaku banjir dan kawasan rendah.

Katanya, penubuhan unit berkenaan menjimatkan masa dari segi penyaluran maklumat banjir.

“Kewujudan unit ini membolehkan kita bertindak lebih pantas dan orang ramai mungkin tidak perlu lagi menghubungi bomba menyalurkan maklumat banjir di kawasan mereka.

“Semua maklumat diperoleh daripada Unit Rondaan ini akan disalurkan terus kepada bilik operasi yang menguruskan semua panggilan.

“Di samping itu, kita ada pasukan Unit Perkhidmatan Perubatan Kecemasan (EMRS) yang akan menyediakan perkhidmatan di peringkat awal iaitu merawat mangsa yang sakit atau demam,” katanya.